



AJAL TIDAK MENGENAL USIA

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Setiap umat Islam mempercayai bahawa kehidupan selepas mati adalah peringkat yang mesti dilalui oleh semua manusia. Ajal tidak mengenal usia sama ada muda atau tua. Walaupun seseorang memiliki kekuasaan, kekayaan dan kesihatan, manusia pasti mati. Malah para Nabi dan Rasul pun tidak dapat lari daripada kematian. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Nisaa' ayat 78:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

أَيْنَمَا تَكُونُوا يُدْرِكَكُمُ الْمَوْتُ وَلَوْ كُنْتُمْ فِي بُرُوجٍ مُّشِيدَةٍ

Yang bermaksud: “*Di mana jua kamu berada, kematian akan mendapatkan kamu (bila sudah sampai ajal) sekalipun kamu berada dalam benteng-benteng yang tinggi lagi kukuh.*”

Kematian adalah suatu kepastian. Tiada seorangpun boleh lari daripada ajalnya yang telah ditetapkan oleh Allah Subhanahu wa-Ta’ala. Apabila ajal telah sampai, malaikat Izrail tetap akan mencabut nyawanya tidak kira di mana kita berada. Firman Allah Subhanahu wa-Ta’ala dalam surah al-Jumu’ah ayat 8:

قُلْ إِنَّ الْمَوْتَ الَّذِي تَفِرُّونَ مِنْهُ فَإِنَّهُ مُلَاقِيكُمْ ثُمَّ تُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ

فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

Yang bermaksud : *Katakanlah (wahai Muhammad): "Sebenarnya maut yang kamu cuba larikan diri daripadanya itu, tetap akan menemui kamu; kemudian kamu akan dikembalikan kepada Allah Yang Maha Mengetahui segala yang ghaib dan yang nyata, lalu Dia memberitahu kepada kamu apa yang kamu telah lakukan (serta membalasnya)."*

Apabila nyawa seseorang telah terpisah daripada jasadnya, maka tinggallah segala apa yang dimilikinya sama ada ahli keluarga, saudara



mara dan harta benda. Jasad yang terbujur kaku akan diurus dan dihantar ke kubur untuk dikebumikan. Pada saat itu, berpindahlah dia ke alam barzakh sementara menunggu hari pembalasan di akhirat. Kubur atau alam barzakh adalah sebagai tempat permulaan alam akhirat. Sebagaimana kesukaran manusia menghadapi keperitan saat nazak kematian, maka jenazah juga sekali lagi menghadapi kesukaran siksaan kubur di alam barzakh. Sebaik sahaja ahli keluarga dan sahabat handai selesai mengkebumikannya, sedang dia berada dalam suasana yang gelap gelita dalam kubur, maka datanglah dua malaikat iaitu Munkar dan Nakir menghampirinya. Bagi jenazah yang beriman yang berbekalkan amal soleh, berada dalam rehat dan damai. Sebaliknya bagi jenazah yang ingkar, sarat dengan beban dosa kerana melanggar perintah Allah Subhanahu wa-Ta'ala, maka alam barzakh adalah tempat ngeri yang dipenuhi dengan azab sengsara hingga datangnya hari kiamat. Mereka berkeadaan seperti orang yang lemas dalam air serta menjerit meraung meminta pertolongan. Sabda Rasulullah sallallahu alaihi wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi:

إِنَّ الْقَبْرَ أَوَّلُ مَنَازِلِ الْآخِرَةِ فَإِنْ نَجَا مِنْهُ فَمَا بَعْدَهُ أَيْسَرُ، وَإِنْ لَمْ يَنْجَحْ مِنْهُ
فَمَا بَعْدَهُ أَشَدُّ مِنْهُ.

Yang bermaksud : *"Sesungguhnya kubur itu, adalah tempat permulaan ke akhirat, sekiranya dia terselamat, maka mudahlah selepas itu. Dan jika dia tidak selamat, maka selepas itu lebih sukar"*.



Mengapa Islam menyuruh umatnya sentiasa mengingati mati? Kematian adalah suatu kejadian yang pasti dan tidak dapat dielakkan dengan apa cara sekalipun. Namun begitu, mengingati mati itu, bukanlah bermaksud memaksa diri untuk segera mati atau sengaja mendedahkan diri kepada kematian. Mengingati mati dapat mendidik dirinya beramal soleh, rendah diri, tidak resah gelisah, tidak lupa diri dan sombong. Dia juga dapat memberi kesedaran bahawa urusan kehidupan dunia merupakan persediaan kehidupan di akhirat yang bakal ditempuhi. Mengingati mati menjadikan seseorang lebih bersedia untuk merancang kehidupan di dunia untuk akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Sebelum jasad disemadikan di perkuburan, marilah kita mempersiapkan diri dengan amal soleh serta keimanan yang mantap dan ketakwaan yang sebenar-benarnya kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Marilah berdoa supaya kita termasuk dalam kalangan orang yang soleh yang sentiasa memperbanyakkan amal ibadah. Sesungguhnya bekalan amal soleh sahaja dapat menyelamatkan manusia daripada azab kubur dan siksaan di akhirat. Di samping menginsafi diri dengan bertaubat daripada dosa-dosa yang telah dilakukan. Kesempatan hidup ini hendaklah dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya sesuai dengan hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi daripada Abi Bakrah Radhiallahu anhu:

عَنْ أَبِي بَكْرَةَ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ رَجُلًا قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَيُّ النَّاسِ خَيْرٌ، قَالَ: مَنْ طَالَ عُمُرُهُ وَحَسَنَ عَمَلُهُ، قَالَ: فَأَيُّ النَّاسِ شَرٌّ، قَالَ: مَنْ طَالَ عُمُرُهُ وَسَاءَ عَمَلُهُ.



Yang bermaksud: *"Daripada Abi Bakrah dia mendengar daripada bapanya bahawasanya seorang lelaki bertanya Rasulullah sallallahu alaihi wasallam: Wahai Rasulullah, siapakah manusia yang paling baik? Jawab Baginda: Orang yang panjang umurnya dan baik amalannya. Beliau bertanya lagi: Siapakah orang yang paling jahat? Jawab Baginda: orang yang panjang umurnya dan buruk amalannya"*.

Sesungguhnya alam barzakh sentiasa menanti-nanti kehadiran kita. Tidak kira di mana kita berada atau bila masanya, kematian pasti mendatangi dan menjemput diri kita. Adakah kita telah membuat persiapan serta menyediakan bekalan yang mencukupi untuk menghadapi kematian yang pasti itu? Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Mulk ayat 2:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ ﴿٢﴾

Yang bermaksud: *"Dialah yang menjadikan mati dan hidup, supaya Dia menguji kamu, siapa antara kamu yang lebih baik amalnya. dan Dia Maha Perkasa lagi Maha Pengampun."*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ



اللَّهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلَسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ